

Misi 2057, wawasan re

U.M. 17/5/2014 3.07

Oleh HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 13 Mac - Misi 2057 sebagai kesinambungan kemajuan negara selepas Wawasan 2020 merupakan satu wawasan realistik bagi memastikan negara terus membangun mencapai kegemilangan di peringkat antarabangsa.

Pensyarah Universiti Malaya (UM) yang juga pakar sejarah, Profesor Datuk Dr. Khoo Kay Kim berkata, satu wawasan realistik lebih banyak masa diperlukan jika negara ingin mencapai tahap yang benar-benar diiktiraf antarabangsa dan tidak sekadar jaguh kampung.


Oleh itu, katanya, tumpuan harus diberikan kepada generasi muda khususnya mereka yang baharu hendak memulakan persekolahan kerana mereka merupakan kumpulan yang akan memikul tanggungjawab berkenaan.

“Walaupun jauh sangat kerana melibatkan beberapa generasi tetapi realistik dan kita perlu melatih kembali orang Malaysia supaya mereka boleh mencapai prestasi tinggi bukan sahaja satu, dua bidang tapi banyak bidang yang lebih penting,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai tahun 2057 sebagai sasaran baru kerajaan



PROFESOR DR. KHOO KAY KIM



PROFESOR DIRAJA UNGKU AZIZ

menyempatkan lagi kemajuan negara selepas Wawasan 2020.

Perdana Menteri berkata, ketetapan yang

dibuat dalam mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional itu adalah langkah penting bagi memastikan kejayaan Wawasan 2020

Realistik

Satu wawasan realistik kerana lebih banyak masa diperlukan jika negara ingin mencapai tahap yang benar-benar diiktiraf antarabangsa dan tidak sekadar jaguh kampung

DR. KHOO KAY KIM
Pensyarah
Universiti Malaya

diteruskan dan tidak terhenti setakat itu sahaja.

Katanya, visi yang digariskan itu adalah kesinambungan kepada Wawasan 2020 yang antara lain menumpukan usaha membangunkan sepenuhnya modal insan di kalangan generasi muda mengikut acuan budaya Malaysia.

“Bukan maksud kita untuk merombak visi yang telah kita gariskan (Wawasan 2020) sebaliknya penetapan tahun 2057 merupakan satu kesinambungan daripada Wawasan 2020,” kata Perdana Menteri.

Kay Kim berkata, bagi memastikan kejayaan perancangan jangka panjang itu, pemimpin hari ini perlu mengenal pasti kekuatan yang ada serta dimiliki oleh rakyat dan negara ini.

Katanya, Malaysia tidak akan berjaya jika bersaing di dalam bidang yang telah dikuasai oleh bangsa lain.

“Kekuatan kita lebih dalam bidang budaya dari sains kerana kita merupakan masyarakat

yang lebih mengenai benua Asia. Seharusnya kekuatan ini dieksploitasikan,” katanya.

Kay Kim menambah, Malaysia juga boleh mengeksploitasi kepelbagaian yang ada sebagai sebuah negara tropika.

“China boleh mengalahkan kita dalam perindustrian tetapi dalam bidang alam sekitar tropika China tidak boleh melawan kita. Kalau kita ingin membuat penyelidikan dalam bidang sains, seharusnya alama tropika menjadi kepakaran kita bukan semua bidang sains,” katanya.

Dalam pada itu, Tokoh Pendidik, Profesor Diraja Ungku Aziz menyifatkan wawasan tersebut mampu direalisasikan walaupun bersifat terlalu jauh ke depan.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan ca-
baran getir yang harus ditempuhi di sepanjang tempoh itu.

“Sepanjang tempoh itu akan berlaku ma-
cam-macam, perubahan budaya, perubahan teknologi. Ini juga perlu diambil kira,” kata-
nya.